






SIARAN AKHBAR

INDEKS HARGA HARTANAH KEDIAMAN (RPPI) NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI SUKU KEDUA (Q2 2024)

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menerbitkan Indeks Harga Hartanah Kediaman atau *Residential Property Price Index* (RPPI) Negara Brunei Darussalam bagi suku kedua 2024 (Q2 2024). Indeks ini dihasilkan dengan data yang diperolehi daripada bank-bank di Negara Brunei Darussalam, dan diterbitkan dengan kerjasama pihak Kementerian Pembangunan, khususnya Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi). RPPI mengukur kadar perubahan harga hartanah kediaman persendirian yang dibeli oleh isi rumah dari masa ke semasa.
2. Pada Q2 2024, RPPI menunjukkan peningkatan sebanyak 2.7% tahun-ke-tahun kepada 95.1 berbanding dengan Q2 2023, dan peningkatan sebanyak 3.0% berbanding dengan Q1 2024.

Tempoh	Indeks (Q1 2015 = 100)	Perubahan (%)	
		Dari Q2 2023	Dari Q1 2024
Q2 2024	95.1	2.7%	3.0%





3. Berdasarkan data pinjaman yang diperoleh dari bank-bank, sebanyak 123 transaksi pembelian hartanah kediaman persendirian telah dicatat pada Q2 2024. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 4.7% berbanding dengan satu tahun yang lalu dan peningkatan sebanyak 51.9% berbanding dengan Q1 2024. Pada Q2 2024, sebahagian besar daripada transaksi tersebut adalah bagi pembelian rumah berasingan atau *detached* (60.2%), diikuti oleh rumah teres (21.1%), dan rumah berkembar atau *semi-detached* (18.7%). Tiada pembelian pangsapuri dan tanah melalui pembiayaan bank telah dicatat pada Q2 2024.

4. Harga penengah (*median*) bagi pembelian semua jenis hartanah kediaman persendirian pada Q2 2024 adalah BND250,000. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 0.8% berbanding dengan Q2 2023, dan peningkatan sebanyak 1.2% berbanding dengan Q1 2024. Harga penengah mengikut jenis rumah adalah BND269,000 bagi rumah berasingan atau *detached*, BND285,000

bagi rumah berkembar atau *semi-detached*, dan BND212,000 bagi rumah teres. Pengiraan RPPI adalah menggunakan harga penengah dan bukan harga purata kerana harga penengah tidak mudah terjejas oleh harga hartanah yang luar biasa dalam suatu tempoh masa.

5. Dari segi lokasi, kebanyakan pembelian hartanah persendirian pada Q2 2024 adalah yang terletak di Daerah Brunei dan Muara (103 hartanah), diikuti oleh Daerah Belait (sepuluh hartanah), Daerah Tutong (sembilan hartanah) dan Daerah Temburong (satu hartanah). Sehubungan dengan ini, lima buah Mukim yang merekodkan jumlah transaksi yang tertinggi bagi Q2 2024 adalah Mukim Sengkurong, Mukim Mentiri, Mukim Kilanas, Mukim Gadong and Mukim Berakas B.

Jumlah Transaksi pada Q2 2024 mengikut Daerah	
Brunei dan Muara	103
Belait	10
Tutong	9
Temburong	1

Lima Mukim dengan Jumlah Transaksi Tertinggi pada Q2 2024	
Sengkurong	26
Mentiri	16
Kilanas	14
Gadong	14
Berakas B	9

6. Indeks dan statistik yang diterbitkan adalah untuk maklumat umum sahaja. Orang ramai adalah dinasihatkan untuk tidak hanya bergantung kepada indeks dan statistik tersebut untuk menilai mana-mana hartanah kerana harga hartanah kediaman persendirian adalah berbeza tertakluk antaranya kepada lokasi, saiz tanah dan keluasan lantai.
7. Bagi maklumat lanjut, nota teknikal dan data terkini boleh didapati di laman web BDCB www.bdcg.gov.bn. Maklumat terkini mengenai RPPI juga akan dikeluarkan dari masa ke masa melalui akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.

Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 21 Rabiulawal 1446H/ 25 September 2024M

Rujukan: BDCB/COMMS/3